

(LETTERHEAD)

Menghadap Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah DKP., DKM., DK., DMN, SSAP., SIMP., DK (Terengganu)., DK. (Johor)., SPMJ., DKMB. (Brunei)., DK (Kedah)., DK (Perlis)., DK (Perak)., DK (Selangor)., DK (Kelantan)., Order of The State of The Republic of Turkiye, Grand Cross of The Order of Saint-Charles (Monaco), yang bersemayam di Istana AbdulAziz, Kuantan, Pahang Darul Makmur dengan beberapa kemuliaan dan kesejahteraannya.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ampun Tuanku,

Adapun warkah al-ikhlas ini dipersembahkan dengan penuh hormat dan takzimnya serta iringan doa kehadiran Allah Subhanahu Wa'taala mudah-mudahan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj serta seluruh kerabat Kebawah Duli Tuanku berada dalam selamat dan sejahteranya.

Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku,

Dengan penuh hormat dan takzimnya, adalah patik **(Nama)** dari **(Jabatan/Agensi/NGO)**. Patik mohon sembah maklum bahawa patik telah menerima kurniaan (Cenderahati) daripada Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku. Patik menjunjung setinggi-tinggi kasih atas kurniaan termaksud.

ATAU

Dengan penuh hormat dan takzimnya, adalah patik **(Nama)** dari **(Jabatan/Agensi/NGO)**. Patik pohon sembah maklum bahawa patik menjunjung setinggi-tinggi kasih ke atas keberangkatan Kebawah Duli Tuanku ke **(Nama Majlis)** pada **(Tarikh)** yang lalu.

Ampun Tuanku,

Demikianlah warkah yang tidak sepertinya ini yang teriring dengan maksud dan tujuannya serta iringan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala mudah-mudahan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Berdua, Putera-putera, Puteri-puteri dan seluruh Kerabat Diraja Pahang sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat-Nya dilanjutkan usia zaman dan sentiasa berada dalam sihat walafiat selama-lamanya.

Ampun Tuanku.

Patik dengan segala hormat dan takzimnya.

(**NAMA**)

Tarikh: 2024M

..... 1446H

*** Nota

Font : Tahoma (Saiz 14)

Spacing : 1.15

(LETTERHEAD)

Julai 2024M
Muharam 1446H

Encik Muhammad Iqbal bin Zahanuddin

Setiausaha Sulit kepada
Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang
Pejabat KDPB Sultan Pahang
26600 Pekan

PAHANG DARUL MAKMUR

Yang Berusaha Tuan,

**WARKAH MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA
SULTAN PAHANG**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Yang Berusaha Tuan, saya **(Nama dan Jawatan)** dari **(Agensi/Jabatan/NGO)** ingin menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah.

3. Bersama-sama ini disertakan warkah kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku yang jelas menerangkan maksud dan tujuan tersebut.

4. Kerjasama pihak Yang Berusaha Tuan menyembahkan perkara ini kesisi Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

(**NAMA**)
JAWATAN